

U GB 22-07 00156 BA517

bah

PERISYTIHARAN RAJA-RAJA JELAS KEXELIRUAN, KATA MAHATHIR
Parlimen - Mahathir

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan penting kerana ada golongan yang sengaja membuat tafsiran yang berbeza terhadap peruntukan dalam Perlembagaan Negara untuk kepentingan politik mereka.

Perdana Menteri berkata, golongan tersebut, seperti anggota parti pembangkang, sengaja cuba membuat tafsiran mereka sendiri mengenai peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Negara sehingga yang jelas menjadi kelabu.

Mereka bertumpuan kepada kepentingan politik dan itulah sebabnya perisytiharan ini perlu untuk per jelaskan kedudukan, katanya ketika menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) di Dewan Rakyat.

Tan bertanya sama ada benar bahawa perisytiharan tersebut 100 peratus keluar daripada peruntukan bagi Raja-Raja Melayu Yang terdapat dalam Perlembagaan Negara.

Ketika menjawab satu lagi soalan Tan, Dr Mahathir berkata beliau tidak perlu menisytiharkan Rajamana yang belum memberi persetujuan terhadap perisytiharan tersebut. -- Lagi

▼22/07/16-30MST

U GB 22-07 00140 BA518

bah

Parlimen - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata pada umumnya semua Raja Melayu bersetuju.

Semasa menjawab soalan Hajah Ilani Ishak (S46-Kota Baharu), sama ada betul di dalam mukadimah perisytiharaan tersebut ramai Raja Melayu tidak mepersetn jainya, Dr Mahathir berkata i tu adalah tidak benar.

Perkara i tu hanyalah pandangan parti pembangkang sahaja, kata beliau.

Kepada soalan Wan Mohd Jamin Mahmood (PAS-Tumpat), beliau berkata usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengadakan muafakat dengan Raja-Raja Melayu yang belum memheri persetujuan terhadap perisytiharan tersebut memandangkan kejayaan sepenuhnya masih belum dicapai.

Ketika ditanya oleh Haji Ibrahim Ali (Bn-Pasir Mas) mengenai adanya golongan yang cuba menggunakan perisytiharan itu untuk mengeruhkan suasana dan sama ada benar umumnya Raja-Raja Melayu gembira dengan perisytiharan itu kerana ia mengukuhkan kedaulatan mereka, beliau menjawab: Benar mengecewakan dan benar majoriti bersetuju. -- Lagi

▼22/07/16-31MST

U GB 22-07 00088 BA519

bah

Parlimen - Mahathir 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Kepada soalan asal daripada Encik Foh Kui Lan (DAP-Klang), Dr Mahathir berkata beliau tidak perlu men jelaskan reaksi Raja-Raja Melayu terhadap perisytiharan tersebut kerana ia hanya merupakan penilaiannya terhadap perkara i tu.

Penilaian oleh pihak lain mungkin berbeza yang penting ialah Perisytiharan Raja-Raja ini telah dibuat, kata beliau.

Perdana Menteri enggan menyebut butiran perisytiharan kerana, kata beliau, semuanya telah disiarkan Sepenuhnya melalui media massa dan saya tidak bercadang untuk mengulanginya. -- Bernama

▼22/07/16-31MST